

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



أونيت فنونتنا بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 - 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BIL.10/2020

KEPADA: SEMUA PELAJAR PERSENDIRIAN, PELAJAR PENERIMA BIASISWA KERAJAAN & SBPP YANG BERADA DI UNITED KINGDOM

TERKINI: PERMAKLUMAN PENTING MENGENAI CORONAVIRUS (COVID-19)

Dengan ini sukacita dimaklumkan kepada semua pelajar-pelajar yang menuntut di United Kingdom bahawa Unit Penuntut-Penuntut ingin memberikan peringatan sebagai langkah keselamatan mengenai dengan coronavirus (COVID-19). Setakat 3 Mac 2020, seramai 51 kes COVID-19 telah dilaporkan positif di United Kingdom. Ketua Pegawai Perubatan United Kingdom telah mengisytiharkan bahawa tahap risiko pada masa ini meningkat dari rendah kepada sederhana.

Bagi pelajar-pelajar yang pulang dari negara-negara di dalam jadual berikut,

Bil.	Negara/Kawasan	Tempoh lawatan	Tanda/Gejala
1.	Wilayah Hubei China	14 hari kebelakangan	Walaupun tidak mengalami gejala
2.	Iran, kawasan 'lockdown' Itali Utara* atau zon penjagaan khas Korea Selatan**	sejak 19 Februari	Walaupun tidak mengalami gejala
3.	mainland China atau Korea Selatan, Hong Kong, Jepun, Macau, Malaysia, Singapura, Taiwan atau Thailand	14 hari kebelakangan	Mengalami batuk, suhu tinggi atau sesak nafas (walaupun gejala ringan)
4.	Itali Utara (utara Pisa, Florence dan Rimini), Kemboja, Laos, Myanmar atau Vietnam	sejak 19 Februari	Mengalami batuk, suhu tinggi atau sesak nafas (walaupun gejala ringan)

- kawasan 'lockdown' Itali Utara – Codogna, Castiglione d'Adda, Casalpusterlengo, Fombio, Maleo, Somaglia, Bertinico, Terranova dei Passerini, Castelgerundo dan San Fiorano.

- Zon penjagaan khas Korea Selatan – Daegu dan Cheongdo.

adalah dinasihatkan dengan segera untuk

- berhubung dengan talian **111** untuk nasihat seterusnya dan **tidak** membuat perjumpaan GP, farmasi atau hospital;
- Bagi kawasan **Scotland**, sila hubungi GP atau NHS24 di talian **111**;
- Bagi kawasan **Wales**, sila hubungi talian **111** (jika ada) atau **0845 46 47**;
- Northern Ireland, sila hubungi talian **111**.

Dinasihatkan juga agar pelajar akan menghubungi Unit Penuntut-Penuntut dengan segera.

Langkah-langkah keselamatan juga ada dipaparkan di laman sesawang <https://www.upp.org.uk/> dan pelajar-pelajar juga boleh melayari <https://www.gov.uk/guidance/coronavirus-covid-19-information-for-the-public> bagi mendapatkan maklumat terkini di United Kingdom dan nasihat mengenainya.

Didoakan agar semoga semua pelajar sentiasa dalam lindungan Allah s.w.t dan dihindarkan dari musibah penyakit ini.

Sekian disampaikan.

"Jimat Air Amalan Mulia"

Wassalam

PG ALI SHAFIE BIN PG HJ ABAS
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XV
Tarikh : 09 Rejab 1441H /04 Mac 2020M
wo/welfare20